

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HGM 331 Geografi Bandar

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. (a) Huraikan tiga [3] perubahan utama ekonomi kapitalis yang telah mempengaruhi sistem perbandaran.  
(10 markah)
- (b) Dengan merujuk kepada perkembangan sistem perbandaran di Malaysia apakah perubahan utama ekonomi kapitalis ini berperanan juga di negara ini?  
(15 markah)
2. (a) Jelaskan tren umum polisi bandar di negara-negara membangun.  
(10 markah)
- (b) Dengan merujuk kepada sebuah negara di Asia Tenggara, selain daripada Malaysia, bincangkan kesesuaian strategi yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah bandar yang sedang dihadapi.  
(15 markah)
3. (a) Dengan merujuk kepada sebuah negara di rantau Asia jelaskan bagaimana bandar orde rendah berperanan sebagai pusat pertumbuhan dalam ekonomi ruangan nasional.  
(10 markah)
- (b) Bincangkan potensi strategi berdasarkan bandar orde rendah dalam konteks pembangunan ruangan ekonomi di Malaysia dewasa ini.  
(15 markah)

4. (a) Huraikan cara-cara utama penghasilan unit-unit kediaman.  
(10 markah)
- (b) Dalam konteks Malaysia, bincangkan cara manakah yang wajar ditekan oleh kerajaan untuk menghasilkan unit kediaman yang mencukupi untuk penghuni bandar yang berpendapatan rendah.  
(15 markah)
5. (a) Pada pendapat anda, apakah sebabnya sektor tidak formal (khasnya penjaja) di bandar-bandar di negara-negara membangun tidak begitu responsif kepada bantuan dan juga galakan yang disediakan oleh kerajaan?  
(10 markah)
- (b) Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah ini?  
(15 markah)
6. (a) Pada pendapat anda, apakah punca-punca proses penstrukturran semula ekonomi di peringkat global?  
(10 markah)
- (b) Bagaimanakah proses ini boleh mempengaruhi pertumbuhan sesetengah bandar besar di negara ini?  
(15 markah)

-ooooOOOooo-